

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

PLG 322 - Psikologi Pendidikan II (Remaja)

Masa : (2 jam)

ARAHAN

Jawab SOALAN SATU dan DUA daripada soalan-soalan lain. Kesemuanya anda perlu menjawab TIGA (3) soalan. Ketiga-tiga soalan yang anda jawab mempunyai pemberatan markah yang sama.


Guna halaman baru bagi setiap jawapan. Ikat setiap jawapan berasingan. Selepas itu ikat kesemuanya dalam buku jawapan.

1. (a) Dengan merujuk kepada rujukan-rujukan yang berkenaan dan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai, hurai LIMA (5) daripada berikut.
 - (b) Bagi setiap satunya, nyatakan gunanya maklumat tersebut kepada guru.
 - i. egosentrism di peringkat olahan konkrit
 - ii. pengertian pelajar tentang guru yang berkesan
 - iii. tugas perkembangan peringkat remaja mengikut Havighurst
 - iv. lonjakan pertumbuhan
 - v. keperluan remaja berpandukan teori Maslow
 - vi. penanguhan psikososial
 - vii. dua pandangan yang bertentangan mengenai peringkat remaja
 - viii. pembentukan kelompok di kalangan remaja.
2. (a) Dengan menggunakan rujukan-rujukan dan contoh-contoh yang sesuai, bezakan pertimbangan moral kanak-kanak dan pertimbangan moral remaja.
 - (b) Jelaskan faktor-faktor yang menimbulkan perbezaan ini.
 - (c) Cadang bagaimana guru boleh menggunakan maklumat ini dalam pengajaran moral di sekolah.

....2/-

3. (a) Di peringkat remaja, seseorang mengalami perubahan fizikal yang ketara. Dengan merujuk kepada kajian-kajian yang sesuai jelaskan perubahan-perubahan utama dalam pertumbuhan fizikal remaja.
(b) Tunjukkan bagaimana perubahan-perubahan yang anda jelaskan untuk jawapan (a) berhubung kait dengan perasaan kesejahteraan remaja.
(c) Apakah petua-petua penting yang boleh dipetik untuk kegunaan guru di sekolah ?
4. (a) Dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan berkenaan, bincang peranan rakan sebaya dalam perkembangan remaja.
(b) Jelas makna 'persahabatan' bagi kanak-kanak dan bagi remaja.
(c) Cadang cara-cara bagaimana guru membina dan mengekalkan perhubungan yang baik di kalangan pelajar-pelajarnya.
5. (a) Dengan merujuk kepada pengetahuan yang anda dapati dari kursus ini, terangkan rajah berikut.

Sokong jawapan anda dengan bukti kajian dan rujukan-rujukan yang sesuai.



- (b) Bincangkan apakah gunanya maklumat ini kepada ibu bapa dan guru.

---- ooooo000ooooo ----